

08 JUL 1998

SEE WAH-DANA

DANA KHAS NEGARA MASIH TERIMA SUMBANGAN, KATA WONG SEE WAH

KUALA LUMPUR, Julai 8 (Bernama) -- Dana Khas Negara akan terus menerima sumbangan orang ramai walaupun kempen untuk menyumbang kepada dana tersebut tidak akan diteruskan lagi, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah.

"Kempen tersebut tidak akan dilanjutkan tetapi orang ramai masih boleh memberi sumbangan mereka," katanya kepada wartawan selepas menerima lebih RM6.1 juta dalam bentuk hartanah and wang tunai dari syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan di sini hari ini.

Tarikh untuk tidak lagi menerima sumbangan belum diputuskan, katanya.

Menurut Wong, kempen untuk menyumbang kepada dana tersebut sepatutnya diadakan selama sebulan sahaja dari 6 Mac, tetapi diteruskan hingga 6 Julai kerana sambutan yang menggalakkan.

Dari 6 Mac hingga hari ini, jumlah sumbangan dan janji untuk menyumbang yang diterima berjumlah RM30 juta. Ini termasuk yang disumbangkan dalam majlis hari ini.

Sumbangan terbesar hari ini ialah dari Country Heights Bhd yang berjumlah RM5,003,564 dalam bentuk hartanah, sementara kakitangan syarikat itu menyumbang RM20,000 dalam bentuk wang tunai.

Kumpulan Sime Darby and Malayan Banking Bhd masing-masing menyumbangkan RM500,000, Pergerakan Wanita UMNO Malaysia menyumbang RM82,500, Konsortium Pengilang Perabot Logam Sdn Bhd RM20,000 dan Persatuan Persekutuan Pedagang Barangan Tekstil Am dan Kain Malaysia RM10,000.

Wong berkata bagi sumbangan berbentuk barangan seperti barang kemas, majlis khas akan diadakan untuk melelong barangan yang telah disumbang oleh orang ramai termasuk oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad and isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Semua sumbangan akan dimasukkan ke dalam akaun kumpulan wang yang disatukan yang mana hanya boleh digunakan dengan mengemukakan belanjawan tambahan di Parlimen, tambahnya. -- BERNAMA

MSL JR